

# اولادنا Auladuna

2022(UP) 600-002/042(40)



فوسنة دعوه اسلاميه  
مركز الدعوه الاسلاميه  
ISLAMIC DA'WAH CENTRE

Bil: 40

## Percaya kepada Malaikat



Memelihara 7  
Kemudahan Awam

Dada Rasulullah  
Dibedah

12  
Nama Malaikat  
dan Tugasnya

19

# Kandungan Auladuna

<b>KALAM AULADUNA</b>	3
<b>ASMA'UL HUSNA</b>	4
<b>KISAH TELADAN</b>	5
<b>PENGENALAN SURAH</b>	6
<b>PEKERTI AULADUNA</b>	7
<b>ADAB ISLAMI</b>	8
<b>KAMUS 3 BAHASA</b>	9
<b>KAMUS BRUNEI</b>	10
<b>PERAMBAHAN BRUNEI</b>	11
<b>INGIN TAHU</b>	12
<b>BINA PERKATAAN</b>	13
<b>IBADAT</b>	14
<b>BELAJAR BAHASA ARAB</b>	15
<b>ASAH MINDA</b>	16
<b>GAMBAR TERSEMBOUNYI</b>	17
<b>TEKA SILANG KATA</b>	18
<b>INFO MALAIKAT</b>	19
<b>DOA</b>	20

## Anggota Redaksi

### EDITOR

Hajah Ruzaimah binti Haji ibrahim

### PENOLONG EDITOR

Hajah Suriyati binti Haji Ahmad

**SUSUN ATUR & REKA BENTUK**  
Dahlan bin Chuchu

### PENYELARAS

Suriati binti Haji Ali Hussain

### PEMBANTU PENYELARAS

Qairunnisa binti Haji Jalil

Md. Zelihan bin Ahad

Hjh. Ratna Watie binti Hj. Abd. Karim

Rokiah binti Hj. Mohd. Serudin

Azizah binti Hidup

Dayang Hayatun Syakirah

binti Hj. Awang Abd. Ghani

### PEMBAHAGI MAJALAH

Pg. Muhammad Rafiuddin bin Pg. Haji Badaruddin

Nurul Nabilah binti Masri



## Percaya Kepada Malaikat

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**A**nak-anak, percaya kepada malaikat adalah antara rukun iman yang enam. Dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* pernah ditanya oleh Malaikat Jibril mengenai iman, baginda menjawab: "*(Iman iaitu) Engkau beriman dengan Allah, para malaikat-Nya, kitab-Nya, para Rasul-Nya, hari akhirat dan beriman dengan takdir yang baik serta buruk.*"

Malaikat diciptakan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* daripada cahaya dan diciptakan untuk selalu taat dan patuh dalam melaksanakan segala perintah-Nya. Di samping itu, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* juga mengutus para malaikat untuk memelihara, membantu, memberi petunjuk serta mencatat semua amal manusia. Oleh kerana malaikat adalah antara makhluk ghaib yang diciptakan Allah, namun kehadirannya tidak dapat kita rasai.

Antara amalan agar malaikat sentiasa mendoakan kita adalah dengan sering menghadiri majlis ilmu, rajin bersedekah walaupun sedikit, selalu bertaubat dan beristighfar dan sebagainya. Justeru barang siapa yang tidak mempercayai akan kewujudan malaikat, maka tidak akan sempurna keimannya.



# Asma'ul Husna

Auladuna Bil.40

**AL-MUJIB**  
Ertinya  
**Memperkenankan**

الْمُجِيبُ


AL-MUJIB  
bererti Dialah yang  
memperkenankan segala  
permintaan hamba-hamba-Nya  
yang berdoa kepada-Nya.

Allah Subhanahu wa Ta'ala  
berfirman dalam surah Ghaafir  
ayat 60 yang mafhumnya: ...  
*Berdoalah kepada-Ku nescaya  
Aku memperkenankan  
doa kamu...*

Antara keistimewaan yang terdapat pada nama ini ialah orang yang  
berzikir dengan menggunakan nama ini wajib ke atasnya untuk  
menyempurnakan hajat orang-orang yang meminta supaya Allah  
menyempurnakan hajatnya dan hendaklah ia melayan kehendak orang  
yang memerlukan supaya Allah mengabulkan doa-doanya.

## Kisah Teladan

Auladuna Bil.40



# ZAID BIN HARITSAH


Zaid bin Haritsah adalah seorang hamba abdi yang dihadiahkan oleh Khadijah binti Khuwailid *Radhiallahu 'anha* kepada baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.

Apabila bapa Zaid bin Haritsah mengetahui bahawa beliau tinggal bersama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sebagai hamba abdi, lalu ayah dan bapa saudaranya berusaha untuk membawa Zaid pulang. Walau bagaimanapun, Zaid lebih memilih untuk tinggal bersama Rasulullah daripada pulang ke kampung halamannya sekalipun beliau hidup sebagai hamba abdi kerana beliau telah menganggap Rasulullah sebagai pengganti ayah dan bapa saudaranya, dan juga disebabkan sikap Rasulullah yang sangat baik kepada beliau. Oleh kerana itu, Rasulullah kemudian mengumumkan kepada orang ramai bahawa Zaid adalah anak angkatnya dan ahli warisnya. Setelah mendengar pengumuman itu, ayah Zaid dan bapa saudaranya merasa lega lalu pulang ke kampung halaman mereka.

Rasulullah sangat menyayangi Zaid bin Haritsah dan benar-benar menganggapnya sebagai anak baginda sendiri. Zaid juga adalah satu-satunya sahabat baginda yang namanya tercatat di dalam al-Qur'an melalui surah al-Ahzaab. Zaid amat digeruni oleh musuh-musuh Islam setiap kali beliau mengetuai pasukan tentera Islam.

Antara peperangan yang beliau ikut serta ialah peperangan Al-Qaradah dan peperangan Mu'tah serta beberapa serangan ke atas perkampungan Al-Jamum, Al-'Ish, Tharaf, Hisma, serangan ke Wadi al-Qura, serangan ke atas Negeri Madyan dan serangan ke atas Ummu Qirfah.

Zaid bin Haritsah wafat ketika berusia 55 tahun pada bulan Jamadilawal tahun ke 8 Hijrah dan jasadnya disemadikan di bumi Mu'tah.





# Pengenalan Surah

Auladuna Bil.40

## SURAH AL-MURSALAAT


سُورَةُ الْمُرْسَلَاتِ

### Surah ke 77 Al-Mursalaat bermaksud angin yang bertiup perlahan

 Surah ini diturunkan sebagai peringatan mengenai kepastian hari pembalasan bagi orang-orang kafir pada hari kiamat.

 Dalam surah ini Allah telah menunjukkan kebesaran dan kekuasaan-Nya termasuk membinasakan manusia yang ingkar, menciptakan manusia, menjadikan bumi sebagai tempat perhimpunan seluruh umat manusia dari semasa hidup hingga mati, menjadikan gunung-ganang sebagai pasak bumi dan air sebagai sumber minuman agar kita sentiasa beriman dan mengakui kebesaran-Nya.

 Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memberi peringatan keras dalam surah ini mengenai pembalasan yang akan diterima oleh orang-orang kafir yang menidakkann kekuasaan-Nya dan memberi jaminan ni'mat yang akan diterima oleh orang-orang mu'min yang bertaqwa.



# Pekerti Auladuna

Auladuna Bil.40



## MEMELIHARA KEMUDAHAN AWAM



Kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan awam seperti jalan raya, perhentian bas, tempat-tempat riadah dan peranginan, pantai, pondok-pondok telefon, papan-papan tanda dan tandas awam.



Kemudahan-kemudahan awam disediakan untuk kepentingan orang ramai dan masyarakat awam amnya.



Kita hendaklah memelihara keselamatan dan kebersihan kemudahan awam.



Perosak dan pemugut kemudahan awam dibenci oleh Allah Ta'ala dan masyarakat.





## Adab Islami


Auladuna Bil. 40

# ADAB DI DALAM MAJLIS

Majlis-majlis yang sering diadakan di tempat kita ialah seperti majlis doa selamat, tahlil, perkahwinan, doa kesyukuran dan sebagainya.

Ketika menghadiri majlis, kita hendaklah:

- 1 Memakai pakaian yang bersih, kemas dan sesuai dengan majlis yang dihadiri.
- 2 Memberi salam dan bersalaman.
- 3 Lalu di hadapan tetamu dengan membongkokkan sedikit badan.
- 4 Duduk dengan tertib dan sopan.
- 5 Bercakap dengan suara lembut.
- 6 Hormat menghormati di antara satu sama lainnya.
- 7 Jangan bercakap-cakap semasa doa dibaca.
- 8 Hendaklah makan dan minum dengan tertib setelah diarahkan.
- 9 Jangan mengambil makanan dengan berlebihan sehingga membazir.
- 10 Hendaklah berterima kasih dan bersalaman dengan tuan rumah dan para tetamu ketika hendak meninggalkan majlis.
- 11 Bersopan santun dalam majlis adalah amalan terpuji.



# Kamus 3 Bahasa

Auladuna Bil.40



BAHASA MELAYU,  
BAHASA INGGERIS &  
BAHASA ARAB


KEIKHLASAN  
SINCERE  
إِخْلَاص

AMANAH  
TRUST  
وَثْقَة

BIJAKSANA  
WISE  
حَكِيمٌ

GEMBIRA  
HAPPY  
مُسْرُور

SEDIH  
SAD  
حَزِينٌ



# Kamus Brunei

Auladuna Bil.40

## BANGKAWAT

Ertinya Pelangi.

Contoh Ayat:

Lawa bangkawat atu, tujuh warnanya.

## KILALA

Ertinya Kenal.

Contoh Ayat:

Masa Covid ani payah kan mengilala mua orang pasal betutup pakai sungkup mua.

## BASING

Ertinya Tupai


Contoh Ayat:

Abis buah mangga di puhun atau dimakan basing.



# Perambahan Brunei

Auladuna Bil.40



## CAPAK PAHANG

Ertinya:

Makanan keperluan harian.

Contoh Ayat:

Harga **capak pahang** di pasaran pada masa ini meningkat jika dibandingkan dengan tahun lalu.



## GATAL ATI

Ertinya:

Sangat ingin tahu.

Contoh Ayat:

Harun memilih untuk membuka hadiah dari bapanya terlebih dahulu kerana **gatal ati** ingin tahu isinya.



## KAPIR MALAUN

Ertinya:

Orang yang jahil tentang agama.

Contoh Ayat:

Sebagai orang Islam kita mempunyai adab dalam berpakaian, jangan jadi macam **kapir malaun**.





## Ingin Tahu

Auladuna Bil.40

# DADA RASULULLAH DIBEDAH

Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* mengalami peristiwa luar biasa apabila dada baginda dibedah oleh Malaikat Jibril *'alaihissalam* sebanyak dua kali.


Kali pertama semasa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* masih kecil ketika tinggal bersama dengan keluarga ibu susuannya iaitu Halimatus Sa'diah. Ketika kejadian Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersama saudara susuannya menggembala kambing di belakang rumah. Tiba-tiba datang Malaikat Jibril *'alaihissalam* menjelma sebagai dua orang lelaki dengan pakaian jubah putih lalu membawa baginda ke suatu sudut, kemudian baginda *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dibaringkan, kemudian dibuka baju dan dibelah dada dan hati baginda dibersihkan dengan kesucian dan keimanan, kemudian dikembalikan seperti sediakala.

Pembedahan kedua terjadi semasa peristiwa Isra' Mi'raj baginda *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sebelum memulakan perjalanan dari Masjidilharam ke Masjidilqaṣa. Dada baginda telah dibedah oleh Malaikat Jibril *'alaihissalam* bagi membersihkan hati daripada ketulan hitam bernama 'alaqah iaitu tempat syaitan membisikkan was-wasnya dan mengeluarkan segala kotoran yang terdapat dalam dada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* lalu dibasuh dengan air zam-zam. Setelah itu dimasukkan pula hikmat dan ilmu pengetahuan ke dalam hati Rasulullah sehingga menjadikan akal dan dada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* semakin bersih, pintar dan penuh dengan ilmu pengetahuan. Setelah selesai dada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* pun ditutup kembali dengan tidak menimbulkan sebarang kesan pada diri baginda.




# Bina Perkataan

Auladuna Bil. 40



Cuba bina 14 perkataan  
daripada perkataan di bawah ini



## KEBIJAKSANAAN

JAWAPAN BIL. 39  
Akar, Bata, Kata, Kena,  
Kera, Rata, Bakar, Baran,  
Benar, Berat, Kerat,  
Katak, Berkat, Ternak





## Ibadat

Auladuna Bil.40

# Sembahyang Berjemaah



**Sembahyang berjemaah ialah sembahyang yang ada imam dan makmum.**



**Hukum sembahyang berjemaah wajib bagi sembahyang fardhu Juma'at.**



**Hikmat sembahyang berjemaah:**  
Melatih diri taat kepada ketua  
Melatih diri mengikut peraturan



**Kelebihan sembahyang berjemaah mendapat 27 kali ganda pahala.**




# Belajar Bahasa Arab

Auladuna Bil.40




## Baca, Tulis dan Warnakan Gambar



	ل	م	

سُلْمَةٌ

TANGGA



	ذ	ف	ا	ن

نَافِذَةٌ

JENDELA



	ب	ا	ب	

بَابٌ

PINTU

# Asah Minda

Auladuna Bil.40

Cuba cari perkataan yang dieja dalam huruf jawi di bawah ini. Selamat mencuba

ه	س	م	ج	ك	ل	ا	م	ذ	ت
و	م	م	ن	م	ا	و	ع	غ	ر
ج	ب	ب	ن	ي	و	ل	ق	ش	ض
ب	ك	ن	ا	ب	م	ي	ا	ت	و
ر	ي	ي	ي	س	ض	ب	د	س	ه
ي	غ	ك	ر	ث	م	ر	ج	ن	
ل	ي	ي	ئ	ا	ز	ع	ج	ك	ب
ح	ل	و	ف	ش	ي	و	ي	ة	ت
ا	ل	غ	ي	س	ة	ر	ا	ه	س
ج	ئ	ن	ل	ي	ئ	ا	ك	ي	م

جريل  
ميكائيل  
اسرافيل  
عزرايل  
منكر  
نكير  
رقيب  
عتيد  
مالك  
رضوان


Jawapan Keluaran  
Bil. 39

ت	ذ	و	ا	ل	ح	ج	م	س	ه
ز	ر	غ	ف	و	ا	س	ن	م	و
ك	ب	ر	م	ي	ا	و	ب	ج	
ظ	ت	ا	ي	م	ب	د	ن	ه	ن
ة	ه	ا	ت	ت	ض	ي	ي	ي	ش
ي	ج	ر	م	ت	ا	ك	غ	و	
ب	ر	ج	م	ا	ع	ه	ن	ت	ا
ت	ذ	ص	و	ي	ش	خ	و	ل	ح
س	ه	ا	د	ة	س	ي	غ	ل	ا
م	ن	د	ي	ر	ي	ك	ن	ي	ج



# Gambar Tersembunyi

Auladuna Bil.40



# KAMERA

BOLA

**KUCING**

IKAN

PENSIL


KASUT

BOTOL

# PANCING

# Teka Silang Kata

Auladuna Bil.40



MENURUN

- 1) Malaikat dijadikan daripada .....
  - 2) Tugas Malaikat Israfil ialah meniup .....
  - 3) Malaikat Ridwan ditugaskan menjaga pintu .....
  - 4) Malaikat Jibril menyampaikan .....
  - 5) Tugas Malaikat Mikail memberi .....

MENDATAR

- 1) ..... ialah makhluk Allah
  - 2) **Tugas Malaikat Izrail ialah mencabut .....**
  - 3) **Malaikat Mungkar dan Nakir menyatakan manusia di dalam .....**
  - 4) **Malaikat Malik menjaga pintu .....**
  - 5) **Tugas Malaikat Atid mencatat amalan .....**

# JAWAPAN KELUARAN BIL. 39

# NAMA MALAIKAT DAN TUGASNYA

- |   |  |
|---|--|
| 1 | جبريل Jibril – Menyampaikan wahyu                            |
| 2 | ميكائيل Mikail – Memberi rezeki                              |
| 3 | اسرافيل Israfil – Meniup sangkakala                          |
| 4 | عزرايل Izrail – Mencabut nyawa                               |
| 5 | منكر دان نكير Munkar dan Nakir – Menyoal manusia dalam kubur |
| 6 | رقيب Raqib – Mencatat amalan baik                            |
| 7 | عتيد Atid – Mencatat amalan buruk                            |
| 8 | مالك Malik – Menjaga pintu neraka                            |
| 9 | رضوان Ridwan – Menjaga pintu syurga                          |



# Doa Memohon Kekuatan Untuk Beribadah

اللَّهُمَّ أَعِنِي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ  
وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ

Ertinya:

*Ya Allah, bantulah aku agar selalu mengingat-Mu, bersyukur kepada-Mu dan beribadah kepada-Mu dengan sempurna.*

